

## **SEJARAH PEMERINTAHAN SULTAN MAHMUD II DALAM KERAJAAN UTHMANIYYAH (1808-1830M)**

*(History of the Reign of Sultan Mahmud II in the Uthmaniyyah Kingdom (1808-1830 AD))*

Muhammad Farhan Ishak\* & Mohamad Fikri Mohd Bakri\*\*

### **Abstrak**

Sultan Mahmud II merupakan salah satu tokoh pemerintahan terpenting dalam sejarah kerajaan Uthmaniyyah. Beliau memerintah pada abad ke-19 dan menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk memulihkan dan mengukuhkan empayar yang semakin lemah. Artikel jurnal ini membincangkan sumbangan Sultan Mahmud II dalam perkembangan Islam, terutamanya dalam konteks perubahan politik, sosial, dan ekonomi yang membentuk sejarah Uthmaniyyah. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji sumbangan Sultan Mahmud II dalam mempertahankan dan memodenkan kerajaan Uthmaniyyah serta memahami kesannya terhadap perkembangan Islam. Kajian ini juga bertujuan untuk meneroka langkah-langkah dan dasar yang diambil oleh Sultan Mahmud II dalam usahanya untuk mengatasi cabaran yang dihadapi oleh empayar pada masanya. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah dengan menganalisis sumber-sumber sejarah, termasuk dokumen-dokumen dan penulisan-penulisan sejarah yang relevan. Analisis dilakukan melalui pendekatan kualitatif untuk memahami pengaruh dan sumbangan Sultan Mahmud II dalam konteks sejarah Islam dan Uthmaniyyah. Hasil kajian menunjukkan bahawa Sultan Mahmud II memainkan peranan penting dalam pemodenan empayar Uthmaniyyah. Beliau mengenakan reformasi-reformasi penting dalam tata pentadbiran, ketenteraan, dan ekonomi empayar. Ini memberi kesan positif kepada perkembangan dan kestabilan Uthmaniyyah, serta membantu menjaga kedudukan Islam sebagai agama utama dalam empayar tersebut.

**Kata Kunci:** Sultan Mahmud II, cabaran, sumbangan, Islam

### **Abstract**

*Sultan Mahmud II was one of the most significant figures in the history of the Ottoman Empire. He ruled in the 19th century and faced various challenges in his efforts to restore and strengthen the empire, which was in a state of decline. This journal article discusses Sultan Mahmud II's contributions to the development of Islam, particularly in the context of the political, social, and economic changes that shaped Ottoman history. The main objective of this study is to examine Sultan Mahmud II's contributions to preserving and modernizing the Ottoman Empire and to understand their impact on the development of Islam. The study also aims to explore the steps and policies taken by Sultan Mahmud II in his efforts to address the challenges faced by the empire during his reign. This study employs a historical approach by analyzing historical sources, including relevant documents and historical writings. The analysis is conducted through a qualitative approach to understand Sultan Mahmud II's*

---

\* Muhammad Farhan Ishak, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Emel: [iik190010@siswa.edu.my](mailto:iik190010@siswa.edu.my)

\*\* Mohamad Fikri Mohd Bakri, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Emel: [bakrifikri07@gmail.com](mailto:bakrifikri07@gmail.com)

*influence and contributions in the context of Islamic and Ottoman history. The study's findings indicate that Sultan Mahmud II played a significant role in modernizing the Ottoman Empire. He implemented crucial reforms in administration, the military, and the economy of the empire. These reforms had a positive impact on the development and stability of the Ottoman Empire and helped maintain Islam's position as the primary religion within the empire.*

**Keywords:** *Sultan Mahmud II, challenging, contribution, Islam*

## **Pengenalan**

Sultan Mahmud II menaiki takhta kesultanan ketika kerajaan Uthmaniyyah berada dalam situasi genting akibat kekacauan yang dilakukan oleh tentera Janissari. Baginda menjadi sultan ketika abangnya, Sultan Mustafa IV (1807-1808) digulingkan oleh tentera Janissari. Semasa di awal pemerintahannya, baginda terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dari dalam dan luar negara. Antara cabaran yang baginda hadapi sepanjang pemerintahan baginda adalah pemberontakan daripada golongan *ayan*, perperangan dengan Russia, pemberontakan Serbia, pemberontakan di Hijaz dan Greek dan sebagainya. Semasa pemerintahan, baginda juga telah melakukan satu dasar pembaharuan di dalam pentadbiran dan ketenteraan yang dikenali sebagai era “Tanzimat”. Era Tanzimat merupakan proses menerapkan unsur-unsur pembaratan di dalam pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah yang dilakukan oleh Sultan Mahmud II.

## **Latar Belakang Sultan Mahmud II**

Sultan Mahmud II merupakan sultan dan khalifah ke 29 di dalam takhta kerajaan Uthmaniyyah. Baginda merupakan anak kepada Sultan Abdul Hamid I (memerintah 1774-1789) dan Naksidil Sultan.<sup>1</sup> baginda dilahirkan di Istana Topkapi pada 20 Julai 1785 bersamaan 13 Ramadhan 1199. Baginda merupakan putera bongsu daripada 12 orang adik beradiknya.<sup>2</sup> Baginda juga dikenali di negara barat dengan gelaran *Peter the Great of the Ottoman Empire* kerana baginda mempelopori era Tanzimat yang diusaha dan dilaksanakannya. Baginda menaiki takhta pada 28 Julai 1808 sebagai sultan bagi menggantikan abangnya, Sultan Mustafa IV. Oleh kerana baginda meneruskan dasar reformasi yang dimulakan oleh Sultan Selim III, maka beliau dianggap sebagai ‘Pengasas kepada Turki Moden’.

Sultan Mahmud II mempunyai ramai isteri dan anak. Antara isteri baginda ialah Bezm-I Alem, Pertev-niyal (Nihal), Haciye Pertev-Piyale Nev-fidan, Ali-cenab, Fatma, Asub-I Can, Haciye Hosh-yar, Nurtab, Misl-iNa-yab, Perviz-felek, Vuslat, Zer-nigar dan Ebr-iRefter. Seterusnya, baginda dikurniakan dengan 23 orang anak, 12 daripadanya ialah lelaki dan 11 orang anak perempuan. Antara anak lelaki baginda ialah ‘Abd al-Majid, ‘Abd al-‘Aziz, Ahmed, Bayezid, ‘Abd al-Hamid, Sulayman, Mehmed, Murad, Nizameddin, Mehmed,

<sup>1</sup> Gabor Agoston & Bruce Masters, *Encyclopedia of The Ottoman Empire* (Facts on File Library of World History, 2009) 345.

<sup>2</sup> Kate Fleet, et. al. peny., *The Encyclopedia of Islam Three*, Netherland: Library of Congress, 2016. 110.

Abdullah dan Osman. Manakala anak perempuan baginda pula terdiri daripada Emine Sultan, Hamide Sultan, Hayriye Sultan, Shah Sultan, Salihe Sultan, Ayse Sultan, Atike Sultan, Fatma Sultan, Munire Sultan, Fatma Sultan, Rimah Sultan dan Adile Sultan.<sup>3</sup>

Baginda merupakan penyambung kepada keturunan sultan-sultan Uthmaniyyah seterusnya selepas Sultan Osman I (1289-1326) dan Sultan Ibrahim (1640-1648) kerana tujuh orang sultan Uthmaniyyah seterusnya adalah berasal daripada anak cucunya. Baginda meninggal dunia pada 1 Julai 1839 ketika berusia 54 tahun.<sup>4</sup> Baginda dikebumikan di Divan Yolu, Istanbul. Selepas baginda wafat, anaknya Sultan Abd al-Majid I (1839-1861) memegang tampuk pemerintahan seterusnya. Pembaharuan dan reformasi yang dilaksanakan oleh Sultan Mahmud II diteruskan dan dikembangkan oleh Sultan Abd al-Majid I sehingga baginda dianggap sebagai pelopor kepada era Tanzimat kerajaan Uthmaniyyah.

## **Cabaran Semasa Pemerintahan Sultan Mahmud II**

Tahun 1807 dan 1808 merupakan tahun di mana pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah di dalam keadaan terumbang-ambing. Bulan Mei 1807 hingga Julai 1808 menyaksikan detik hitam apabila dua orang sultan iaitu Sultan Selim III dan Sultan Mustafa IV digulingkan dari takhta dan kemudiannya dibunuh di dalam pemberontakan.<sup>5</sup> Namun begitu, apabila Sultan Mahmud II menaiki takhta pada tahun 1808 dianggap sebagai masa yang sesuai untuk baginda menyambung semula usaha reformasi di dalam pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah. Justeru, di awal pemerintahan Sultan Mahmud II juga, baginda turut menghadapi cabaran sama ada di dalam negara mahupun di luar negara. Cabaran ini dilihat sebagai mengganggu proses reformasi yang dijalankan oleh Sultan Mahmud II. Antara cabaran yang baginda hadapi adalah seperti berikut:

### **Pemberontakan Golongan Ayan**

Sultan Mahmud II sebagai seorang sultan yang muda dan baharu, telah memanggil golongan *Ayan* iaitu golongan berkuasa daripada rakyat tempatan yang berpengaruh, daripada seluruh wilayah Uthmaniyyah untuk menghadiri satu mesyuarat di Istanbul. Namun begitu, Alemdar Mustafa Pasha dengan beraninya dan berterus terang menyatakan bahawa punca utama kepada perpecahan Daulah Uthmaniyyah adalah disebabkan oleh tentera Janissari yang tidak berdisiplin. Justeru, cara untuk menangani tentera Janissari ini adalah dengan formasi penubuhan tentera baharu yang bernama *Sekban-i Jedid*. Bukan itu sahaja, penubuhan tentera baharu ini juga adalah sebagai satu percubaan untuk menginstitusikan semula kuasa dan

<sup>3</sup> Mohd Yusrizal Mohd Yunus, Ezad Azraai Jamsari & Ermy Azziaty Rozali, *Pembaharuan Ketenteraan Uthmaniyyah Era Selim III*, 70.

<sup>4</sup> Supardin, “Sultan Mahmud II: Pembaruannya Militer, Pendidikan, Hukum, Pemerintahan dan Budaya” (Latihan Ilmiah, IAIN Alauddin Makassar, 2004), 2.

<sup>5</sup> Darin Stephanov, “Sultan Mahmud II (1808-1839) and the First Shift in Modern Ruler Visibility in the Ottoman Empire”, *Journal of the Ottoman and Turkish Studies Association* 1.1-2.129 (2014), 131.

autoriti golongan *ayan*. Golongan *ayan* merupakan golongan yang menghasilkan sebuah dokumen bernama *Sened-i ittifak* (dokumen perjanjian) yang mengandungi beberapa prinsip untuk menguatkan autoriti Daulah Uthmaniyyah. Oleh itu, *Sheikh al-Islam* mengeluarkan satu fatwa yang mengisyiharkan ketulenan dan keserasian dokumen ini dengan syariat dan sultan mengesahkannya dengan *Hatt-i Humayun* (*Heavenly Decree*). Namun, penentang kepada pembaharuan penubuhan tentera baharu ini telah bekerjasama dengan tentera Janissari untuk memulakan satu serangan pada malam November 1808 di kediaman Alemdar Mustafa Pasha. Hal ini menyebabkan beliau syahid di dalam serangan tersebut dan organisasi *Sekban-i Jadid* kemudiannya dimansuhkan. Puak pemberontak merancang untuk mengembalikan Mustafa tetapi malangnya beliau dibunuh di dalam serangan tersebut.<sup>6</sup>

## **Perang dengan Russia dan Pemberontakan di Serbia**

Emperor Perancis dan Kaisar Russia telah bekerjasama dengan mengambil kesempatan ke atas kekacauan yang berlaku di dalam kerajaan Uthmaniyyah dan mereka telah membuat perjanjian untuk menentang kerajaan Uthmaniyyah. Buat pertama kalinya pada tahun 1810 tentera Russia mula menyerang wilayah kerajaan Uthmaniyyah daripada bahagian Anatolia. Tentera Russia berjaya menawan istana Ismail dan Ibrail di kawasan Eropah wilayah Uthamniyyah dan mereka berjaya dikalahkan di dalam pertempuran yang berlangsung di Shumna dan Silistre. Bukan itu sahaja, tentera Russia turut menyerang Wallachia dan Moldova di wilayah Rumelia manakala puak Serbia memberontak di bawah pimpinan Karageorge menentang kerajaan Uthmaniyyah. Tiba-tiba, tentera Napolean menyerang Russia dan dipaksa untuk memeterai *Treaty of Bucharest* bersama dengan kerajaan Uthmaniyyah. Perjanjian ini adalah untuk menentukan had sempadan antara Russia dan juga Uthmaniyyah. Sungai Prut dijadikan sempadan kerajaan bagi kedua belah pihak dan kerajaan Uthmaniyyah menyerahkan Bessarabia kepada Russia. Hurshid Pasha berjaya mematahkan pemberontakan di Serbia dan beliau pulang ke Istanbul pada tahun 1814.<sup>7</sup>

Apabila orang-orang Serbia mengetahui bahawa termeterainya perjanjian Bucharest antara Russia dan Uthmaniyyah, mereka melakukan pemberontakan namun berhasil dihentikan oleh kekuatan Uthmaniyyah. Pemimpin-pemimpin yang mengetuai pemberontakan ini telah melarikan diri ke Austria dan salah seorang pemerintah Serbia yang bernama Theodore Petes menyatakan untuk tunduk kepada pemerintah kerajaan Uthmaniyyah.<sup>8</sup>

<sup>6</sup> Mehmet Maksudoglu, *Osmanli History 1289-1922: Based on Osmanli sources*, , Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 1999, 206.

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Ali Muhammad Ash-Shallabi, *Bangkit dan Runtuhan Khilafah Utsmaniyyah*, Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2003. 424.

## Pemberontakan di Hijaz

Gerakan politik yang dilakukan oleh keluarga Saud didukung oleh gerakan Wahhabi telah dianggap melakukan pemberontakan kepada Sultan Uthmaniyyah di Istanbul. Wilayah Hijaz pada ketika itu masih dibawah kekuasaan Daulah Uthmaniyyah. Gerakan-gerakan yang dilakukan oleh Muhammad bin Abdul Wahhab, Muhammad bin Saud dan para pengikutnya menjadikan para penguasa kerajaan Uthmaniyyah kesal. Muhammad Ali Pasha yang memerintah Mesir pada ketika itu melihat gerakan Wahhabi sebagai ancaman kepadanya dan juga kepada kerajaan Uthmaniyyah.<sup>9</sup> Beliau berusaha untuk membatasi dan mengehadkan segala pergerakan daripada gerakan Wahhabi. Justeru, pasukan tentera Muhammad Ali Pasha menyerang wilayah-wilayah Arab untuk merampas semula wilayah tersebut daripada kekuasaan Muhammad bin Abdul Wahab dan Muhammad bin Saud. Muhamad Ali Pasha mengirimkan pasukannya ke Hijaz melalui jalan laut untuk mendapatkan kembali wilayah kekuasaan Uthmaniyyah.

Ibrahim Pasha, anak kepada Muhammad Ali memimpin pasukan Uthmaniyyah ke kota Najd sehingga akhirnya beliau berjaya mencapai ibu kota Arab Saudi iaitu Dar'iyyah. Pada tahun 1814, perperangan tersebut dimenangi oleh pasukan Muhammad Ali Pasha dan Ibrahim Pasha. Pasukan Uthmaniyyah dibantu oleh tentera Mesir berjaya melumpuhkan gerakan pemberontakan tersebut.<sup>10</sup> Semasa berperang, Ibrahim Pasha berjaya menangkap Emir Abdullah bin Saud. Tiga orang pemimpin Wahhabi dibawa ke Kaherah dan Istanbul dan mereka dipenggal di hadapan khalayak ramai. Jasad mereka ditayangkan ke hadapan orang awam dan kemudiannya dibuang ke dalam laut.<sup>11</sup> Walaupun gerakan Wahhabi dapat dipatahkan oleh pasukan tentera Uthmaniyyah pada tahun 1818, mereka berjaya bangkit semula selepas lima tahun diserang oleh tentera Uthmaniyyah. Gerakan Wahhabi ini berjaya meresap masuk ke dalam pemerintahan Arab Saudi sehingga ke hari ini.

## Pemberontakan dan Kemerdekaan Greek

Awal abad ke-19, kebangkitan semangat nasionalisme mula tersebar ke seluruh benua Eropah. Akibat daripada kebangkitan ini, timbul gerakan separatism yang bertujuan untuk memisahkan diri mereka daripada kekuasaan kerajaan Uthmaniyyah. Oleh itu, menjelang tahun 1821, kerajaan Russia telah menggalakkan rakyat Greek dan golongan bukan Islam daripada kerajaan Uthmaniyyah di kawasan Eropah untuk memberontak menentang kerajaan Uthmaniyyah. Pemberontakan ini bermula di Eflak dan tersebar ke wilayah Morea.<sup>12</sup> Pimpinan tertinggi Greek Ortodok yang diketuai oleh Patriach Gregorius turut terlibat dalam pemberontakan ini

<sup>9</sup> Muhamad Nashir, "Peran Gerakan Wahhabi Terhadap Kerajaan Saudi Arabia pada Tahun 1744-1932 M" (Latihan Ilmiah, Fakultas Adab UIN Sunan Kalijaga, 2009), 2.

<sup>10</sup> Izmi Syahidah, "Gerakan Wahhabi dan Keluarga Saud dalam Upaya mendirikan Kerajaan Saudi Arabia" (Latihan Ilmiah, Fakultas Adab dan Humaniora UIN Syarif Hidayatullah, 2017) 36-37.

<sup>11</sup> Douglas A. Howard, *A History of the Ottoman Empire* (United Kingdom: Cambridge University Press, 2016) 359.

<sup>12</sup> Mehmet Maksudoglu, *Omanli History 1289-1922: Based on Osmanli sources*, , Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 1999, 208.

di Istanbul dan seterusnya dia dihukum gantung oleh sultan di *Middle Gate Fener Patriarchate* pada tahun 1821. Pada tahun 1825, pemberontakan ini berjaya dipadamkan dan kerajaan Uthmaniyyah berjaya mendapatkan wilayah Morea dengan bantuan Muhammad Ali Pasha dan Ibrahim Pasha.<sup>13</sup>

Rentetan daripada kekalahan Greek dan keadaan yang tidak menentu yang berlaku di Istanbul akibat daripada pemberontakan Janissari, negara-negara Eropah iaitu Perancis, British dan Russia telah mengambil kesempatan untuk melemahkan kerajaan Uthmaniyyah. Campur tangan negara-negara Eropah ini menyebabkan mereka mengadakan *Treaty of London* yang mendesak untuk mengisyiharkan kemerdekaan Greece daripada jajahan kerajaan Uthmaniyyah. Setelah perjanjian ini termeterai, negara-negara Eropah bukan sahaja menghapuskan sisa-sisa pendudukan Mesir di Morea (Greece), malahan mereka menyerang dan membakar angkatan tentera Uthmaniyyah dan Mesir yang masih berada di Navarino.<sup>14</sup> Kemudian, kemerdekaan Greece terus diisyiharkan pada tahun 1828 dan berjaya membentuk negaranya sendiri. Pada tahun 1829 pula, Russia telah mengadakan sebuah perjanjian *Treaty of Edirne* yang bertujuan untuk mengisyiharkan kemerdekaan Greek dan memberikan kemerdekaan kepada Serbia serta tuntutan agar kerajaan Uthmaniyyah membayar segala ganti rugi peperangan kepada Russia di samping keistimewaan lain yang menguntungkan Russia tetapi merugikan kerajaan Uthmaniyyah.<sup>15</sup>

Pada akhir pemerintahan Sultan Mahmud II, kerajaan Uthmaniyyah telah mengalami kerugian yang teruk dan terpaksa membayar belanja peperangan kepada musuh sebanyak 110 million Franc.<sup>16</sup> Hal ini kerana kemerdekaan dan kemenangan Greek dibantu oleh kerajaan British, Perancis dan Russia menyebabkan kerajaan Uthmaniyyah terpaksa menanggung kekalahan.<sup>17</sup>

### **Persaingan Pemerintahan Muhammad Ali Pasha di Mesir kepada Kerajaan Uthmaniyyah di Istanbul**

Muhammad Ali Pasha merupakan seorang gabenor kepada kerajaan Uthmaniyyah yang memerintah Mesir pada tahun 1805 sehingga tahun 1848.<sup>18</sup> Beliau dilahirkan pada tahun 1769 dan berasal dari Macedonia. Beliau mula memegang jawatan sebagai gabenor Mesir semasa akhir pemerintahan Sultan Selim III. Beliau juga merupakan pengasas kepada institusi

<sup>13</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Ensiklopedia Sejarah Turki Uthmaniyyah: Membongkar Sejarah Zaman Sebelum Uthmaniyyah dan Zaman Uthmaniyyah*, (Damansara: Hijjaz Records Publishing, 2019) 330.

<sup>14</sup> Mehmet Maksudoglu, *Osmanli History 1289-1922: Based on Osmanli sources*, , Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 1999, 210.

<sup>15</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Ensiklopedia Sejarah Turki Uthmaniyyah: Membongkar Sejarah Zaman Sebelum Uthmaniyyah dan Zaman Uthmaniyyah*, 330.

<sup>16</sup> Franc atau Frangk merupakan unit mata wang yang standard bagi Perancis, Belgium, Switzerland dan negara-negara yang bertutur dalam Bahasa Perancis.

<sup>17</sup> Abdul Ramae Sulong, "Pemikiran Turki Uthmaniyyah menurut Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani dalam bukunya *Hadiqat Al-Azhar wa Al-Rayahin*" (Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2013), 256.

<sup>18</sup> Khaled Fahmy, "The Era of Muhammad 'Ali Pasha, 1805-1848" dalam *The Cambridge History of History*, ed. M. W. Daly (England, Cambridge University Press, t.t) 6.

“Khedivi” dan kerajaan beraja di Mesir dan orang-orang Eropah menggelarnya sebagai ‘Pengasas Mesir Moden’. Semasa Kurshid Pasha menjadi gabenor Mesir, Muhammad Ali Pasha telah pun mendapat sokongan daripada penduduk Kaherah.<sup>19</sup> Menurut Ash-Shallabi, tujuan Muhammad Ali Pasha datang ke Mesir adalah untuk mengusir tentera Perancis keluar daripada wilayah Mesir. Setelah berjaya mengusir tentera Perancis, beliau berjaya mendapatkan kepercayaan ulama di Mesir sehingga akhirnya beliau berjaya menjadi gabenor Mesir pada 18 Jun 1805.<sup>20</sup>

Pada tahun 1831, beliau melancarkan ekspedisi ketenteraan ke atas Akka (Acre), Damsyik, Halab dan Asia Kecil. Dengan kuasa dan sokongan yang beliau miliki, menyebabkan Sultan Mahmud II berasa cemburu kerana belum ada lagi penguasa kerajaan Uthmaniyyah yang mampu untuk menarik perhatian rakyat Mesir kepada pemerintahannya. Oleh itu, Sultan Mahmud II cuba mencari helah untuk memerangi Muhammad Ali Pasha di Mesir. Pada tahun 1837, baginda menawarkan kepada Muhammad Ali Pasha untuk memerintah Mesir dan kawasan pantainya, tetapi di kawasan Syria perlu diperintahkan oleh kerajaan Uthmaniyyah. Maka, beliau pun menolak tawaran sultan.<sup>21</sup>

Semasa Greek mendapat kemerdekaan daripada kerajaan Uthmaniyyah, Muhammad Ali Pasha menyerang Syria dan beliau mengugut keautoritian kerajaan Uthmaniyyah. Oleh itu, tentera askar Uthmaniyyah dihantar ke Syria untuk memerangi untuk memerangi tentera Mesir, tetapi mereka tewas di dalam pertempuran di ‘Akka dan Konya. Seterusnya, Sultan Mahmud II menghantar askarnya yang diketuai oleh Hafiz Pasha, tetapi mereka juga tewas kepada askar tentera Mesir di Pertempuran Nizip pada tahun 1839. Sebelum pertempuran tamat, Sultan Mahmud II menghembuskan nafasnya yang terakhir di Istanbul sebelum baginda sempat mendengar khabar buruk tentang kekalahannya di Nizip.<sup>22</sup>

## Era Tanzimat Di Zaman Sultan Mahmud II

Pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah menjadi kuasa yang dominan di kalangan kuasa-kuasa Barat pada abad ke-15, 16 dan 17 dan mampu untuk meluaskan jajahannya ke seluruh wilayah Eropah. Kegemilangan kerajaan Uthmaniyyah bermula daripada penubuhannya oleh Sultan Osman I sehingga zaman kemuncak kegemilangannya oleh Sultan Suleyman al-Qanuni dan ia mulai memudar selepas kematian al-Qanuni. Terdapat juga sultan-sultan Uthmaniyyah yang cuba untuk mengembalikan zaman kegemilangan Uthmaniyyah tetapi gagal oleh kerana terdapat pelbagai cabaran dan halangan sepanjang mereka memerintah. Oleh itu, terdapat juga sultan yang cuba memasukkan pentadbiran bercirikan negara-negara Barat di dalam pentadbirannya sebagai usaha untuk memodenkan dan memajukan kerajaan. Justeru, bermula pada zaman Sultan Mahmud II, baginda telah memulakan gerakan reformasi dan pembaharuan

<sup>19</sup> Mahayudin Hj Yahya dan Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah Islam*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1993, 432.

<sup>20</sup> Ali Muhammad Ash-Shallabi, *Bangkit dan Runtuhnya Khilafah Utsmaniyyah*, Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2003. 424.

<sup>21</sup> Mahayudin Hj Yahya dan Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah Islam*, Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1993, 433.

<sup>22</sup> Mehmet Maksudoglu, *Osmanli History 1289-1922: Based on Osmanli*, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 1999, 210.

di dalam pentadbiran dan ketenteraannya sehingga gerakan ini dilihat sebagai Era Tanzimat di dalam kerajaan Uthmaniyyah.

Era Tanzimat berlangsung dengan deklarasi Perjanjian Gulhane pada 3 November 1839 dan berakhir pada tahun 1876. Walaupun Sultan Mahmud II melaksanakan dasar tanzimat sejak awal baginda menaiki takhta kerajaan, namun ia secara rasminya dilaksanakan selepas Perjanjian Gulhane ini. Justeru, konsep “Tanzimat” ini bermaksud memperbaharui politik, pentadbiran, ekonomi dan kehidupan sosial orang-orang Turki.<sup>23</sup> Pengisytiharan gerakan Tanzimat merupakan suatu yang sukar untuk dilaksanakan kerana ia adalah titik tolak kepada perubahan kerajaan Uthmaniyyah kepada era moden. Namun begitu, baginda telah menjadikan wilayah Eropah khususnya kuasa Perancis sebagai contoh dalam melaksanakan misi pembaharuan yang direncanakannya.<sup>24</sup> Pembaharuan dan reformasi yang dilakukan ini tidak dapat diterima oleh sesetengah pihak kerana ia dianggap tidak sesuai dengan budaya dan tradisi tempatan. Hal ini kerana, sultan mengadaptasikan undang-undang daripada negara Eropah di dalam pentadbiran dan ketenteraan Uthmaniyyah sehingga ia dilihat tidak sesuai untuk dilaksanakan. Oleh itu, tentera Janissari merupakan golongan yang paling banyak menentang gerakan pembaharuan yang dilakukan oleh para sultan sehingga mereka telah membunuh Sultan Selim III apabila baginda cuba untuk mengorganisasikan semula sistem ketenteraan Uthmaniyyah melalui dasarnya *Nizam-i Cedid*.

Pada peringkat awal gerakan Tanzimat dilakukan, tujuan utama yang Sultan Mahmud II lakukan adalah dengan memodenkan unit ketenteraan dan mengubah ketidakberkesanan ketenteraan di dalam unit Janissari. Beliau juga menggantikan tentera Janissari bersama tentera-tentera moden yang dilatih bercirikan dengan unit ketenteraan Eropah. Tentera baru ini merupakan pasukan tentera yang dihantar oleh Muhammad Ali Pasha dari Mesir.<sup>25</sup> Sepanjang baginda memperkenalkan pembaharuan ketenteraan, baginda sering kali ditentang oleh tentera Janissari dan mereka memberontak terhadap dasar yang diperkenalkan oleh sultan. Oleh itu, baginda mengambil pendekatan untuk menghapuskan tentera Janissari apabila ia dilihat sebagai satu ancaman dan halangan kepada usaha untuk memodenkan kerajaan Uthmaniyyah. Justeru, selepas penghapusan tentera Janissari, barulah baginda dapat menjalankan dasar pembaharuan di dalam pentadbiran.

Selain pembaharuan di dalam sistem ketenteraan, era Tanzimat juga telah menyaksikan penyeragaman di dalam metode pendidikan mengikut arus kemodenan. Antara institusi yang muncul semasa tempoh Tanzimat adalah *Mekteb-i Harbiye* (sekolah ketenteraan), *Mekteb-i Tibbiye* (sekolah perubatan) dan *Muhendishane* (sekolah kejuruteraan).<sup>26</sup> Para pelajar yang telah tamat pengajian di sekolah ini akan dihantar ke negara-negara Eropah untuk mendalami ilmu-ilmu baru di sana. Hal ini kerana Sultan Mahmud II melihat kerajaan Uthmaniyyah

<sup>23</sup> Yusuf Cifci, “Modernisation in the Tanzimat Period and the Ottoman Empire: An Analysis of the Tanzimat Edict within the Scope of the Modern State”, *International Journal of Social and Humanistic Sciences* 2 (2019), 16.

<sup>24</sup> Mohd Yusrizal Mohd Yunus, Ezad Azraai Jamsari & Ermy Azziaty Rozali, *Pembaharuan Ketenteraan Uthmaniyyah Era Selim III*, 71.

<sup>25</sup> Ishtiaq Hussain, *The Tanzimat: Secular Reforms in the Ottoman Empire*. (Faith Matters, 2011) 7.

<sup>26</sup> Yusuf Cifci, “Modernisation in the Tanzimat Period and the Ottoman Empire: An Analysis of the Tanzimat Edict within the Scope of the Modern State”, 21

memerlukan tenaga dan pakar baharu di dalam pelbagai bidang di dalam kerajaan. bukan itu sahaja, baginda juga turut melakukan pembaharuan di dalam undang-undang, pentadbiran dan kebudayaan.

Seterusnya, pembaharuan yang dilakukan oleh Sultan Mahmud II di dalam undang-undang adalah baginda telah memisahkan undang-undang mengikut undang-undang Syariah dan undang-undang sekular. Oleh itu, undang-undang yang berkaitan Syariah akan berada dibawah kekuasaan *Syeikh al-Islam* manakala undang-undang sekular diserahkan kepada Dewan Perancang Undang-Undang yang ditugaskan untuk mengaturkannya. Selain itu, Sultan Mahmud II juga mengarahkan untuk menulis buku-buku mengenai perundangan. Antara undang-undang baru yang baginda lakukan adalah berkaitan pentadbiran, jenayah, urusan keagamaan dan urusan ketenteraan.<sup>27</sup>

Di dalam pentadbiran pula, baginda telah melakukan beberapa pembaharuan bagi melancarkan sistem pentadbiran. Sebelum zaman Sultan Mahmud II, sultan-sultan sebelumnya mempunyai dua orang pembantunya yang menduduki jawatan yang tertinggi di dalam kerajaan. Pertama, adalah jawatan *sadrazam* yang merupakan seorang *wazir* yang akan menggantikan sultan di dalam pemerintahan apabila sultan sedang berperang atau sebagainya. Kedua, jawatan *syaikh al-Islam* iaitu individu yang bertanggungjawab mengurus hal ehwal keagamaan. Oleh itu, antara pembaharuan yang dilakukan oleh baginda adalah dengan menggantikan jawat-jawatan ini dengan bentuk jabatan Perdana Menteri. Perdana Menteri ini akan menaungi menteri-menteri untuk urusan dalam negeri, luar negeri, kewangan dan pendidikan dengan mewakili jabatan masing-masing. Perdana Menteri juga bertugas sebagai perantara antara menteri dan juga sultan.<sup>28</sup>

Justeru, dengan pembaharuan yang dilakukan oleh Sultan Mahmud II, maka pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah menjadikan sistem pentadbiran barat sebagai salah satu contoh untuk memodenkannya. Baginda juga turut memisahkan urusan keagamaan daripada pentadbiran kerajaan sehingga baginda dianggap sebagai pelopor kepada kemodenan negara Turkiye sekarang.

## **Sumbangan Sultan Mahmud II di dalam Pentadbiran Kerajaan Uthmaniyyah**

Sultan Mahmud II memerintah kerajaan Uthmaniyyah selama 31 tahun. Sepanjang baginda memerintah, baginda telah banyak menyumbang kepada pembangunan dan kemodenan kerajaan. Baginda menaiki takhta kerajaan ketika pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah sedang mengalami porak peranda akibat pemberontakan daripada tentera Janissari. Sejak baginda masih kecil, baginda banyak didedahkan dengan idea-idea pembaharuan yang dilakukan oleh Sultan Selim III sehingga apabila baginda menaiki takhta, baginda menyambung idea-idea pembaharuan Sultan Selim III di dalam dasar pembaharunya. Justeru, sepanjang

<sup>27</sup> Supardin, “Sultan Mahmud II: Pembaruannya (Militer, Pendidikan, Hukum, Pemerintahan dan Budaya)” (Latihan Ilmiah, IAIN Alauddin Makassar, 2004) 9.

<sup>28</sup> *Ibid.*, 10.

pemerintahannya baginda banyak menyumbang kepada kerajaan Uthmaniyyah.

Antara sumbangan baginda yang besar adalah baginda merupakan pengasas kepada Turki moden kerana banyak melakukan pembaharuan dalam hal ehwal pemerintahan, ketenteraan, pendidikan dan undang-undang.<sup>29</sup> Baginda telah berjaya menghalang pemberontakan tentera Janissari dengan cara menghapuskan mereka pada tahun 1826. Maka selepas penghapusan tentera Janissari, baginda telah menubuhkan satu pasukan ketenteraan moden yang bercirikan negara Eropah yang diberi nama *Askariye Mansuriye Muhammadiye*. Dengan ini, baginda berjaya menyusun hierarki pentadbiran ketenteraan mengikut kehendak baginda tanpa pemberontakan dan campur tangan orang lain. Namun begitu, sebelum penghapusan tentera Janissari berlangsung, Sultan Mahmud II telah berjaya mendapat sokongan ulama dan para menterinya untuk melakukan penghapusan tersebut. Hal ini telah memberikan laluan kepada Sultan Mahmud II untuk melaksanakan dasar pembaharunya.<sup>30</sup>

Selain itu, baginda juga terlibat dengan perjanjian damai dengan kerajaan Hungary dengan bantuan pemerintah kerajaan Perancis pada tahun 1812 dengan bantuan Napolean Bonaparte. Bantuan ini sekali gus menyebabkan Moldavia dan Wallachia diserahkan kembali kepada kerajaan Turki Uthmaniyyah.<sup>31</sup> Pada tahun 1820, baginda telah mengisyiharkan perang terhadap kerajaan Parsi dan menyaksikan pertempuran pada peringkat awal dimenangi oleh kerajaan Parsi. Namun begitu, serangan kolera menyebabkan tentera Parsi terpaksa berundur dan mereka bersetuju untuk menandatangani perjanjian damai pada tahun 1823.<sup>32</sup>

Oleh itu, sumbangan yang telah diberikan oleh Sultan Mahmud II telah membuatkan kerajaan Uthmaniyyah dilihat dapat bersaing dengan negara-negara Eropah. Walaupun baginda mendapat pelbagai tentangan, baginda berjaya menyusun strategi dan berfikiran kritis dalam menghadapi tentangan tersebut. Oleh itu, segala usaha yang dilakukan oleh Sultan Mahmud II mampu untuk membuatkan kerajaan Uthmaniyyah menjadi sebuah kerajaan yang moden.

## Kesimpulan

Abad ke-18M dan ke-19M menyaksikan kerajaan Uthmaniyyah menghadapi satu tempoh kemerosotan zaman kegemilangannya. Walaupun Sultan Mahmud II menaiki takhta kerajaan di saat berlakunya perperangan dan pemberontakan daripada tentera Janissari, namun baginda berjaya menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Zaman pemerintahan baginda menyaksikan pemberontakan daripada golongan pembesar dan pemberontakan daripada Mesir dan Hijaz sehingga membuatkan baginda perlu untuk memerangi masalah ini. Baginda juga telah mengambil langkah dengan berhati-hati saat berhadapan dengan pemberontakan daripada

<sup>29</sup> Mahayudin Hj Yahya dan Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah Islam*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1993, 433.

<sup>30</sup> Kate Fleet, et all. peny., *The Encyclopedia of Islam Three*, Netherland: Library of Congress, 2016. 112.

<sup>31</sup> Abu Hanifah Haris, “Sejarah Kerajaan Turki Uthmaniyyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik abad ke-14 hingga abad ke-20”, *Jurnal Al-Tamaddun* 15.1 (2020), 94.

<sup>32</sup> *Ibid.*, 94.

tentera Janissari. Hal ini kerana baginda tidak mahu nasibnya akan sama seperti para pendahulunya yang dibunuh oleh tentera Janissari seperti Sultan Selim III. Baginda juga memulakan dasar Tanzimat yang menandakan bermulanya era pembaharuan dan reformasi di dalam kerajaan Uthmaniyyah. Sumbangan yang dilakukan oleh baginda juga telah menjadikan kerajaan Uthmaniyyah memasuki kepada era kemodenan bagi negara Turki kini.

## **RUJUKAN**

Abdul Rahman Abdullah, *Ensiklopedia Sejarah Turki Uthmaniyyah: Membongkar Sejarah Zaman Sebelum Uthmaniyyah Dan Zaman Uthmaniyyah*. Damansara: Hijjaz Records Publishing, 2019.

Abdul Ramae Sulong, "Pemikiran Turki Uthmaniyyah Menurut Syeikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zain Al-Fatani Dalam Bukunya Hadiqat Al-Azhar Wa Al-Rayahin." Tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2013.

Abu Hanifah Haris, "Sejarah Kerajaan Turki Uthmaniyyah Dan Sumbangannya Dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 Hingga Abad Ke-20." *Journal of Al-Tamaddun* 15 (2020): 85-107. <https://doi.org/https://doi.org/10.22452/JAT.vol15no1.6>.

Ali Muhammad Shallabi, *Bangkit Dan Runtuhnya Khilafah Uthmaniyyah*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2003.

Darin Stephanov, "Sultan Mahmud II (1808-1839) and the First Shift in Modern Ruler Visibility in the Ottoman Empire." *Journal of the Ottoman and Turkish Studies Association* 1.1-2 (2014): 129-48.

Douglas A. Howard, *A History of the Ottoman Empire*. United Kingdom: Cambridge University Press, 2016.

Gabor Agoston & Bruce Master. "Janissary." dalam *Encyclopedia of the Ottoman Empire*. New York: Facts on File Library of World History, 2009.

Ishtiaq Hussain, *The Tanzimat: Secular Reforms in the Ottoman Empire*. Faith Matters, 2011.

Izmi Syahidah, "Gerakan Wahhabi Dan Keluarga Saud Dalam Upaya Mendirikan Kerajaan Saudi Arabia." Latihan Ilmiah, Fakultas Adab dan Humaniora UIN Syarif Hidayatullah, 2017.

Kate Fleet, et. all. ed. *The Encyclopaedia of Islam Three*. Netherland: Library of Congress, 2016.

Khaled Fahmy. "The Era of Muhammad 'Ali Pasha, 1805–1848." *The Cambridge History of Egypt* 2 (1998): 139-179.

Mahayudin Yahaya & Ahmad Jaelani Halimi, *Sejarah Islam*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1993.

Mehmet Maksudoglu, *Osmanli History 1289-1922: Based on Osmanli Sources*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 1999.

Mohd Yusrizal Mohd Yunus, Ezad Azraai Jamsari & Ermy Azziaty Rozali. *Pembaharuan Ketenteraan Uthmaniyyah Era Selim III*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021.

Supardin, "Sultan Mahmud II: Pembaruannya (Militer, Pendidikan, Hukum, Pemerintahan Dan Budaya)," Latihan Ilmiah, IAIN Alauddin Makassar, Makassar, 2004.

Yusuf Cifci, "Modernisation in the Tanzimat Period and the Ottoman Empire: An Analysis of the Tanzimat Edict within the Scope of the Modern State." *International Journal of Social and Humanistic Sciences* 2.2 (2019): 14-24.